



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 8 TAHUN 2014**

**KOD AMALAN INDUSTRI (ICOP) S.P.A.D. -
KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BAS SEKOLAH**

TARIKH : 1 Jun 2014

**KOD AMALAN INDUSTRI (ICOP) S.P.A.D. -
KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BAS SEKOLAH**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D. - Keselamatan untuk semua pengendali berlesen kenderaan perkhidmatan awam kelas bas sekolah (“Pengendali Bas Sekolah”).

2. PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 2.1 Pengendali Bas Sekolah dikehendaki untuk mematuhi Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D.- Keselamatan untuk Bas Sekolah seperti yang dinyatakan di Lampiran 1, Lampiran A dan Lampiran B Pekeliling ini serta apa-apa Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D. - Keselamatan untuk Bas Sekolah seperti yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 2.2 Pengendali Bas Sekolah juga diwajibkan untuk menghadiri sesi latihan Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D. - Keselamatan untuk Bas Sekolah.
- 2.3 Pematuhan kepada Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D. - Keselamatan untuk Bas Sekolah dan kehadiran sesi latihan seperti yang dinyatakan di perenggan 2.1 dan 2.2 adalah dijadikan syarat lesen Pengendali Bas Sekolah.
- 2.4 Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menyatakan bahawa sekiranya pengendali berlesen bas sekolah gagal mematuhi syarat yang dikenakan pada lesen pengendali, apabila disabitkan kesalahan, pengendali berlesen tersebut boleh didenda tidak lebih

daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

3. TARIKH KUATKUASA

3.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2014.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

LAMPIRAN 1

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN KOD AMALAN INDUSTRI (ICOP) S.P.A.D. - KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BAS SEKOLAH

Pengurusan Pelajar oleh Pemandu
<ul style="list-style-type: none">• Pelajar hendaklah diminta untuk menggunakan tali pinggang keledar di sepanjang perjalanan.
<ul style="list-style-type: none">• Pelajar hendaklah dibimbing untuk melintas jalan.
<ul style="list-style-type: none">• Pelajar hendaklah dibimbing cara menaiki dan turun dari bas sekolah dengan selamat.
<ul style="list-style-type: none">• Pelajar perlu diberi panduan mengenai evakuasi kecemasan sekurang-kurangnya sekali setahun.
Pengurusan Pemandu
<ul style="list-style-type: none">• Semakan perlu dibuat dengan pengkalan data S.P.A.D., PDRM dan JPJ sebelum seseorang dilantik sebagai pemandu bas sekolah.
<ul style="list-style-type: none">• Perintah had maksima untuk memandu berdasarkan keperluan S.P.A.D. (ICOP) - Keselamatan perlu dipatuhi.
<ul style="list-style-type: none">• Pemeriksaan menggunakan senarai semak sebelum perjalanan (Lampiran A) perlu dipatuhi setiap hari.
<ul style="list-style-type: none">• Program latihan dan pembangunan kerjaya dijalankan secara berkala.
Pengurusan Kenderaan
<ul style="list-style-type: none">• GPS perlu dipasang dan profil kelajuan di semua kenderaan perlu dipantau sepanjang perjalanan.
<ul style="list-style-type: none">• Program penyelenggaraan, baik pulih dan penggantian kenderaan hendaklah dijalankan berdasarkan amalan terbaik.
<ul style="list-style-type: none">• Pemeriksaan menggunakan senarai semak sebelum perjalanan untuk kenderaan (Lampiran B) wajib dipatuhi setiap hari.
<ul style="list-style-type: none">• Setiap kenderaan perlu dilengkapi dengan peralatan keselamatan yang berikut: Peti bantuan kecemasan, 5 buah kon keselamatan, pita keselamatan, lampu suluh, segi tiga keselamatan dan alat pemadam api.
<ul style="list-style-type: none">• Tali pinggang keledar kenderaan hendaklah dipasang dalam kenderaan dan digunakan.

Pengurusan Rekod

- Penyimpanan rekod Lampiran A dan B adalah wajib.
- Rekod pemandu/kenderaan/perjalanan/audit dan insiden hendaklah disimpan dengan baik dan lengkap.
- Rekod GPS mengenai laluan dan profil kelajuan setiap perjalanan.

Pengurusan Risiko Perjalanan

- Audit keselamatan dalaman perlu dijalankan setiap 6 bulan.
- Pelan Tindakan Kecemasan atau Emergency Response Plan (“ERP”) hendaklah disediakan.
- Rekod pemandu dan kenderaan perlu disemak dan dikemaskini secara berkala.
- Apabila kemalangan berlaku, pihak pengendali berlesen perlu :-
 - Membuat laporan awal kepada pihak S.P.A.D. dalam tempoh 2 jam di talian Hotline S.P.A.D. (1800-88-7723).
 - Memberi laporan siasatan dalaman lengkap kepada S.P.A.D. dalam masa 72 jam.

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAKAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA
DAN PEMANDU SETIAP HARI (SEBELUM PERJALANAN DIMULAKAN)

Subjek	Kategori		
	W	D	P
Syarat-syarat Umum <ul style="list-style-type: none"> • Pakaian seragam • Pemeriksaan ke atas penyalahgunaan dadah/ubat • Pemeriksaan kesediaan pemandu • Kehadiran awal untuk menjalankan tugas • Pemeriksaan sampel darah dan kencing secara rambang 	 	 	
Pematuhan kepada Had Waktu Pemanduan dan Bekerja <ul style="list-style-type: none"> • Pemanduan maksimum tanpa berhenti - 4 jam • Jumlah masa pemanduan sehari - 8 jam (maksima) • Jumlah waktu bekerja - 10 jam (maksima) • Waktu rehat (30 minit) setiap 4 jam • Jumlah waktu bekerja dalam seminggu - 6 hari • Sehari cuti selepas 6 hari bekerja 	 	 	
Penukaran Pemandu <ul style="list-style-type: none"> • Pemandu ditukar ganti di lokasi tertentu; atau • Pemandu kedua mengiringi perjalanan 	 	 	

W = Wajib D = Disyorkan P = Pilihan

PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dipatuhi. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.

Tarikh: _____ Masa: _____
Disemak oleh Pemandu: _____
Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____

PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

Tarikh: _____ Masa: _____
Disemak oleh Pemandu: _____
Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAKAN HARIAN UNTUK KENDERAAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

SENARAI SEMAKAN KENDERAAN HARIAN			
		Sebelum Perjalanan	Selepas Perjalanan
A	METER	KM	KM
	➤ Pembacaan dan catatan odometer kenderaan (Sebelum dan selepas perjalanan)	√	
B	PENYELENGGARAAN HARIAN	YA (√)	TIDAK (X)
	➤ Keadaan tayar ➤ Tekanan angin tayar ➤ Pemeriksaan lampu dan lampu isyarat ➤ Brek dan sistem brek dalam keadaan baik	√ √ √ √	
C	SEMAKAN KESELAMATAN BAGI PENUMPANG	YA (√)	TIDAK (X)
	➤ Adakah had bilangan penumpang yang dibenarkan dipatuhi	√	
D	PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU SEBELUM PERJALANAN		
	<p>Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dipatuhi. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.</p> <p>Tarikh: _____ Masa: _____ Disemak oleh Pemandu: _____ Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____</p>		